

**Ucapan Perasmian Sambutan Maulidul Rasul UMS 1430H/2009 M**  
**Oleh**  
**YBhg. Prof. Datuk Dr. Hj. Kamaruzaman Hj. Ampon**  
**Naib Canselor UMS**

**1) Kata-kata aluan.**

- Yang Berusaha Prof Dr. Hj. Sanudin Hj. Tahir, TNC A & A – Merangkap Penasihat Sambutan Maulidul Rasul Peringkat Universiti Malaysia Sabah 2009.
- Yang Berusaha Prof. Dr. Amran Ahmed, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni
- Yang Berusaha Prof Dr. Rosnah Ismail. TNC P & I
- Yang Berusaha Prof Dr. Mohd Harun Abdullah, Dekan SST, merangkap Pengerusi Ahli Jawatankuasa Sambutan Maulidul Rasul Universiti Malaysia Sabah 2009.
- YBerusaha Ustaz Issraq Hj Ramli – Ketua Unit Hal Ehwal Islam dan Masjid Merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Maulidul Rasul 2009
- Pegawai-pegawai Utama Universiti
- Dekan-dekan, Pengarah-pengarah, Ketua-ketua Unit
- Datuk-datuk dan Datin-datin hadhrin dan hadhirat, tuan-tuan dan puan-puan

**2) Isi ucapan :**

- i- Bersyukur kehadiran ilahi kerana sekali lagi dapat menganjurkan Sambutan Maulidul Rasul peringkat UMS
- ii- Satu pengajuran yang wajar dijalankan pada setiap tahun, sebagai satu komitmen dan sumbangan kita ke arah memartabatkan Ummah Nabi Muhammad s.a.w..
- iii- Pada tahun ini juga, penglibatan lebih ramai penyertaan daripada tahun-tahun sebelum ini, saya difahamkan sejumlah **1300** peserta kontinjen pada tahun ini telah menyertai dan memeriahkan sambutan pada kali ini. Seramai 5 Kontinjen pelajar yang terdiri daripada kolej-kolej kediaman yang dihadiri oleh semua lapisan budaya, agama dan bangsa. Saya ucapkan tahniah kepada semua.

- iv- Tema sambutan pada tahun ini "**Wahdah Pemangkin Khaira Ummah**" yang bermaksud "**Kesatuan Pemangkin Kecemerlangan Ummah**" sangat bertepatan dengan kesungguhan universiti ini untuk menyatukan fikiran dan menyeragamkan **tindakan** dalam memacu kecemerlangan bagi mencapai hasrat moto uinversiti "Bertekad Cemerlang". Semoga sambutan seperti ini akan melahirkan warga universiti yang berkasih-sayang dan berkerjasama walau kita berbeza budaya, bangsa dan agama.
- v- Allah S.W.T berfirman dalam surah Ali-Imran ayat 103 yang bermaksud: "**Berpeganglah dengan tali Allah semuanya dan janganlah kamu berpecah-belah**"
- vi- Kita adalah berkeluarga dan saling memahami antara satu sama lain. Sabda Nabi Muhammad s.a.w: "**Kaitan orang mukmin dengan mukmin yang lain seperti sebuah binaan yang menguatkan antara satu sama lain**"
- vii- Jika kita mahu manjadi ummah yang berjaya, maka perpaduan harus dipupuk, jika kita berpecah kita seolah-olah mengundang sesuatu yang tidak baik untuk masyarakat kita sendiri.
- viii- Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat, khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam semua aktiviti yang dianjurkan sempena bulan maulud ini. Syabas diucapkan kepada **Sekolah Sains dan Teknologi yang bekerjasama dengan Unit Hal Ehwal Islam dan Masjid** selaku tuan rumah pada tahun ini. Kerjasama begini lah yang kita inginkan supaya semua orang mersai akan kemanisan dalam bekerja.
- ix- Diharapkan agar objektif sambutan ini akan tercapai iaitu meningkatkan kesedaran kepada warga kampus betapa pentingnya menghayati sirah nabi kita Muhammad saw dalam kehidupan.
- x- Tahniah dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa yang terlibat kerana dapat menganjurkan sambutan Maulidul Rasul dengan jayanya walaupun dalam kekangan kesibukan terutama pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar yang berada di minggu-minggu terakhir semester ini.
- xi- Akhir Kata, semoga Allah memberkati perhimpunan kita pada hari ini, dan meletakkan kita bersama orang-orang yang beruntung di akhirat kelak. "**Demi masa, Sesungguhnya manusia itu sentiasa berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beramal soleh yang sentiasa berpesan kepada kebenaran dan berpesan-pesan kepada kesabaran**"
- xii- Sekian, Wassalam.